

Mercun papan seludup bernilai RM19,200 dirampas

KOSMO 26/1/2011 MS 17.

BUKIT KAYU HITAM - Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di sini mematahkan cubaan menyeludup 32 kotak mercun papan bernilai RM19,200 di persimpangan Jalan Kampung Langsung dekat Lebuhraya Changlun-Perlis di sini malam kelmarin.

Komandernya, Muhamad Zunaidi Nairitt Abdullah berkata, mercun tersebut dipercayai diseludup untuk memenuhi permintaan yang tinggi di pasaran tempatan menjelang sambutan Tahun Baru Cina.

Menurutnya, mercun papan jenis 888 itu ditemui dalam sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang terdapat di tepi jalan menghala ke Kodiang semasa anggotanya membuat rondaan pencegahan penyeludupan kira-kira pukul 12.30 tengah malam.

Katanya, kenderaan berwarna hitam jenis Naza Ria bernombor pendaftaran Johor itu disyaki ditinggalkan pemandunya di situ berikutan

kerusakan enjin.

"Apabila diperiksa kenderaan itu tidak berkunci dan susunan kotak mercun yang ditutup dengan kain hitam ditemui di bahagian tempat duduk belakang.

"Kesemua kerusi penumpang di bahagian tersebut dibuang bagi memudahkan kotak-kotak mercun itu disusun," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Muhamad Zunaidi memberitahu, kenderaan tersebut kemudian ditunda ke Pangkalan UPP Changlun di sini untuk siasatan.

Katanya, hasil pemeriksaan selepas itu menemui 32 kotak yang mengandungi 1,920 papan mercun papan.

"Siasatan mengenai pemilik kenderaan itu sedang dijalankan. Kerjasama akan dijalankan dengan agensi berkaitan termasuk menyiasat sama ada ia menggunakan nombor pendaftaran palsu atau sebaliknya," katanya.



MUHAMAD ZUNAIDI (kanan) menunjukkan sebahagian daripada mercun papan yang dirampas di Bukit Kayu Hitam semalam.